



KUMPULAN PENERBITAN PELANGI LANCAR PORTAL PELANGIBOOKS.COM BERWAJAH BAHARU YANG LEBIH MESRA PELAYAR

Bandar Baru Bangi – Pelangi Publishing Group dengan berbesar hati mengumumkan pelancaran portal berwajah baharu kami, PelangiBooks.com yang berperanan sebagai pusat sehenti bagi membantu para pelanggan mendapatkan segala produk pendidikan berbentuk fizikal dan digital, serta menawarkan pelbagai perkhidmatan menarik selain pendidikan.

Matlamat utama Pelangi adalah untuk mengatur semula serta mencipta pengalaman yang lebih baik buat para guru, ibu bapa serta para pelajar. Melalui portal baharu ini, para guru ditawarkan dengan isi kandungan dan ciri khas e-Pembelajaran, manakala pelbagai pilihan buku dan bahan pendidikan serta bacaan am ditawarkan kepada ibu bapa serta para pelajar daripada prasekolah hingga pendidikan tinggi.

"Setelah berbulan-bulan melakukan penyelidikan dan pembangunan reka bentuk, kami amat teruja untuk memperkenalkan portal baharu kami yang kami percaya, portal ini akan menggalakkan komunikasi yang lebih baik bersama para pelanggan dan rakan kongsi," kata En. Sum Lih Kang, Timbalan Pengarah Urusan, Kumpulan Penerbitan Pelangi. "Kami memberi fokus yang sepenuhnya dalam memberi pengunjung merasai pengalaman melayari penyedia perkhidmatan pendidikan sehenti ini", katanya lagi.

Dicipta dengan mengambil kira pengalaman pengguna, portal ini disertakan dengan pelbagai ciri baharu bagi membantu para pengguna mengemudi pautan dengan pantas dan mudah, serta dalam mencari produk atau perkhidmatan korporat yang diperlukan. Ciri-ciri baharu termasuk faedah kerjasama dua hala, halaman Edublog serta mewujudkan peluang pendapatan tambahan seperti pendaftaran ejen dan pesan hantar (dropship).

Selain itu, dengan pakej lengkap yang lebih mesra pelayar, PelangiBooks.com telah direka bentuk untuk menyokong Pendidikan Digital (PdPr). Di samping itu, portal baharu PelangiBooks.com merupakan sumber yang mudah di hujung jari anda kerana boleh didapati melalui laman web dan aplikasi mudah alih. Pengunjung boleh meneroka serta merasai pengalaman dengan lebih lanjut melalui laman web www.pelangibooks.com.

Mengenai Pelangi Publishing Group Berhad

Merupakan syarikat penerbitan dan percetakan pendidikan serantau yang ditubuhkan pada tahun 1979. Nilai jenama dan etika profesional *Pelangi Publishing Group Bhd* seiring dengan moto "Buku Berkualiti untuk Pendidikan Berkualiti". Persepsi masyarakat terhadap syarikat sebagai penerbit produk pendidikan berkualiti tinggi yang boleh dipercayai adalah kejayaan melalui komitmen dalam membentuk masa depan yang lebih cerah terhadap setiap orang melalui pendidikan.



Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

www.PelangiPublishing.com

www.PelangiBooks.com

Perhubungan Korporat

Nur Fitriatul Audra / Andrea Choong

Tel: 03-8922 3993 (Talian Sambungan 166/102)


csr@pelangibooks.com



KUMPULAN PENERBITAN PELANGI LANCAR PORTAL PELANGIBOOKS.COM BERWAJAH BAHARU YANG LEBIH MESRA PELAYAR




Gambar 1: Portal Pelangibooks.com berwajah baharu



Gambar 2: Pautan Servis Korporat yang memaparkan semua servis yang ditawarkan oleh Kumpulan Pelangi



Gambar 3: Pautan rakan kongsi perniagaan



Gambar 4: Pautan Pelangi Kindergarten Club